

Pelatih pertama PLKI-ECRL mulakan latihan

AKTIVITI

SINAR HARIAN • KHAMIS 28 SEPTEMBER 2017

KUMPULAN 50 siswazah lulusan diploma dan ijazah daripada pelbagai institut pengajian tinggi di seluruh negara mencatat sejarah apabila jadi peserta pertama Program Latihan Kemahiran Industri Laluan Rel Pantai Timur (PLKI-ECRL).

Pelatih yang dipilih daripada lebih 700 permohonan sebelum ini akan menjalani kursus itu selama tiga bulan di Universiti Malaysia Pahang (UMP) Gambang bagi menjalani latihan bertujuan memantapkan pengetahuan dalam bidang teknologi kereta api, bermula kelmarin.

Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Seri Idris Jusoh berkata, pengambilan peserta program itu dikendalikan Malaysian Rail Link Sdn Bhd (MRL) dipilih daripada mereka yang berkelulusan kejuruteraan awam, mekanikal dan elektrikal selain menerusi proses temuduga.

"MRL menerima 760 permohonan bagi PLKI-ECRL sebaik sahaja majlis pecah tanah projek ECRL dirasmikan Perdana Menteri (Datuk Seri Najib Tun Razak) pada 9 Ogos lalu, sebelum di senarai pendek kepada 250 untuk sesi temuduga.

"Pelatih pengambilan pertama ini akan ditawarkan pekerjaan secara automatik sama ada di MRL, China Communications Construction Company (CCCC) atau sub-kontraktor yang terlibat dalam projek ini," katanya pada sidang medianya sempena Majlis



Idris dan Dr Daing Mohd Nasir (kiri) bersama sebahagian daripada 50 pelatih pertama PLKI-ECRL.

Ramah Mesra Pengambilan pertama Pelatih PLKI-ECRL di sini, kelmarin.

Turut hadir, Pengarah Urusan CCCC, Bai Yinzhan, Naib Canselor UMP, Prof Datuk Dr Daing Mohd Nasir Ibrahim dan Ketua Pegawai Eksekutif MRL, Darwis Abdul Razak.

Idris berkata, pengambilan peserta PLKI-ECRL itu bukti komitmen kerajaan menunaikan janji melalui 3,600 anak tempatan dalam tempoh lima tahun supaya mereka berkeupayaan untuk terlibat dalam pembangunan ECRL bernilai RM55 bilion yang dijadualkan siap pada 2024.

"Pengambilan seterusnya dijadualkan seramai 250 orang pada November ini diikuti 400 orang (2018), 1,200 orang (2019), 700 orang (2020) dan 500 orang masing-masing pada 2021 dan 2022.

"UMP dipilih sebagai sebagai universiti koordinator hasil rundingan kerjasama oleh Kementerian Pendidikan Tinggi dan MRL selain penghususannya

sebagai universiti teknikal.

"Kedudukan UMP di tengah-tengah jajaran landasan ECRL dan satu-satunya universiti teknikal di Pantai Timur antara faktor pemilihannya," katanya.

Jelasnya, UMP juga mendapat kerjasama Beijing Jiaotong University dan Southwest Jiaotong University bagi perkongsian pengetahuan dan teknologi bidang pengangkutan kereta api.

"Malah saya diberitahu Fakulti Kejuruteraan Mekanikal UMP telah memperkenalkan kursus elektif berkaitan teknologi rel kepada pelajar tahun akhir bermula pada bulan ini, menunjukkan keseriusan dan komitmen mereka dalam bidang teknologi kereta api," katanya.

Ketua Pegawai Eksekutif MRL Darwish Abdul Razak berkata, daripada 50 pelatih pertama itu, 21 graduan diploma dan 29 graduan sarjana muda daripada institusi pengajian tinggi seluruh negara.

"Keutamaan diberikan kepada mereka yang berasal dari Pantai Timur dan Selangor.